

12/11/2001

Minggu Itali pererat hubungan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Minggu Itali yang dianjurkan di Malaysia buat pertama kalinya dapat menggalakan jalinan hubungan antara rakyat kedua negara.

Perdana Menteri percaya pelbagai program seperti festival filem, seni dan makanan serta pameran rekabentuk dan kereta Itali yang dibuka kepada umum adalah cara terbaik menjalinkan hubungan itu.

"Saya amat menghargai usaha Kedutaan dan Dewan Perniagaan Itali ini," katanya berucap pada majlis makan malam sempena minggu itu di restoran Villa Danieli di Hotel Sheraton-Imperial Hotel, di sini.

(END)